

# Isytihar Perintah Kawalan Rasuah

**NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED**



**S**UDAH tiba masanya kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Rasuah di seluruh negara. Hal ini kerana rasuah dilihat semakin berleluasa dan sukar untuk dikawal. Malah boleh dikatakan sudah menjadi pandemik yang memerlukan vaksin dengan segera. Maka saya berpandangan, vaksin terbaik buat masa sekarang ialah penguatkuasaan Perintah Kawalan Rasuah membabitkan semua sektor seperti ekonomi, perkhidmatan dan pentadbiran.

Hakikatnya, kita memerlukan tekad dan iltizam yang serius untuk memerangi rasuah seperti ini kerana ia sudah mula mengganggu kehidupan rakyat, ketenteraman awam serta keselamatan negara. Jelas sekali rasuah sudah ada di mana-mana baik dalam politik, ekonomi, pendidikan, keselamatan mahupun kehidupan sosial rakyat. Buktiannya, sepanjang 2020, kita dapat melihat kesan rasuah dan penyelewengan yang cukup dahsyat. Misalnya, penjawat awam terutama dalam kalangan anggota penguat kuasa dari pelbagai agensi ditangkap dan didakwa secara berterusan. Kebanyakan mereka didakwa terlibat dalam urusan-urusan yang menyentuh soal keselamatan dan kedaulatan negara. Bukankah ini satu ancaman yang besar kepada rakyat dan negara?

Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan isu kartel daging dan penyalahgunaan logo halal yang sekali lagi dikaitkan dengan isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa oleh pegawai yang diberikan kuasa, pangkat dan amanah. Bukankah ini satu pengkhianatan yang cukup zalim terhadap seluruh umat Islam di negara ini?

Jelas sekali masalah rasuah semakin meruncing dan memudaratkan rakyat dan negara. Ia kelihatan begitu cepat menular dan sangat sukar untuk dicegah mahupun dikawal. Justeru,



**EMPAT individu direman SPRM bagi membantu siasatan berhubung isu kartel daging di Senai, Kulai, Johor. - UTUSAN/BAZLAN IBRAHIM**

kerajaan tiada pilihan lain selain mengisytiharkan 2021 sebagai tahun untuk memerangi rasuah melalui penguatkuasaan Perintah Kawalan Rasuah.

Rasuah yang mencetuskan penyelewengan dan salah guna kuasa membabitkan setiap komponen anggota masyarakat baik penjawat awam, ahli politik, ahli perniagaan mahupun individu berkepentingan perlu dikekang dan dibanteras dengan sepenuh jiwa dan raga. Hal ini penting kerana jujurnya, memerangi rasuah kelihatan lebih sukar daripada memerangi wabak Covid-19. Harus diingat, kita sudah ada vaksin untuk mencegah dan mengubati Covid-19, namun masalah rasuah yang berlarutan sejak sekian lama masih belum ditemukan sebarang vaksin untuk mengubatinya.

## **KUNCI**

Jadi saya percaya, kunci keberkesanan memerangi rasuah ini terletak di tangan kerajaan. Hanya kerajaan mampu memperbaiki

kepincangan dan defisit integriti yang sedang melanda rakyat kita. Kalau kerajaan boleh isytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengawal penularan wabak, kenapa tidak kita turut mengisytiharkan Perintah Kawalan Rasuah di seluruh negara meliputi semua sektor? Untuk itu, kerajaan perlu ada iltizam politik yang kuat agar dapat menguatkuasakan akta atau perintah seperti ini, sekali gus menzahirkan komitmen yang serius dalam memerangi rasuah demi melindungi rakyat dan negara daripada virus yang cukup memudaratkan ini.

Saya percaya dengan adanya penguatkuasaan perintah seperti ini, kita dapat menguatkuasakan pelbagai langkah terutama dari aspek kawalan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas dan setimpal. Harus diingat, rasuah terus berlaku kerana wujud terlalu banyak ruang dan peluang kepada pemberi kuasa penerima. Maka kita perlu menutup ruang dan peluang itu dengan segera

secara agresif.

Di samping itu, baik pemberi mahupun penerima perlu dijatuhkan hukuman paling tegas dan keras supaya menggerunkan orang lain yang cuba-cuba untuk berjolak dengan virus rasuah ini. Dalam konteks ini, baru-baru ini ada kedengaran cadangan untuk menjatuhkan hukuman mati kepada orang yang terlibat dengan rasuah dan mungkin sudah tiba masanya kerajaan mempertimbangkan cadangan ini secara serius jika benar-benar mahu memerangi rasuah. Kerajaan boleh menggunakan Perintah Kawalan Rasuah untuk menguatkuasakan undang-undang yang lebih tegas seperti ini.

## **SPRM**

Dalam hal ini Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu diberi kuasa dan peranan yang lebih termasuk kuasa mendakwa individu yang terlibat dengan rasuah. Malah saya juga ingin mencadangkan, sama seperti ketika PKP di mana pihak berkuasa

**“ Kita sudah ada vaksin untuk mencegah dan mengubati Covid-19, namun masalah rasuah yang berlarutan sejak sekian lama masih belum ditemukan sebarang vaksin untuk mengubatinya.”**

dibenar untuk mendenda individu yang ingkar arahan, adalah wajar penguat kuasa SPRM juga diberikan kuasa untuk mengenakan denda dan hukuman lain yang setimpal secara serta-merta jika mendapati ada berlaku pelanggaran terhadap Perintah Kawalan Rasuah.

Kita perlu sedar rasuah membabitkan soal sikap dan tingkah laku individu yang sukar diubah dalam sekelip mata terutamanya yang tamak, sudah biasa hidup mewah dengan rasuah serta ingin terus kaya. Ringkasnya, mendidik mahupun menegur mereka ini adalah umpama mencurah air di daun keladi. Justeru, hanya perintah kawalan ketat di seluruh negara serta penguatkuasaan undang-undang melalui hukuman keras sahaja mampu menghalang mereka daripada terus mengkhianati amanah rakyat.

Oleh itu, saya mencadangkan kerajaan segera mengisytiharkan 2021 sebagai tahun untuk memerangi rasuah melalui penguatkuasaan Perintah Kawalan Rasuah di seluruh negara. Ia boleh bertindak sebagai vaksin mujarab untuk menghapus virus rasuah yang sedang menular di negara kita. Cukup-cukuplah segala jenis penyelewengan, pembaziran dan pengkhianatan yang telah berlaku selama ini. Aiyuh, mari kita perangi rasuah!

PENULIS ialah pentadbir universiti dan penganalisis isu semasa.